



KETUA PENGARAH PERKHIDMATAN AWAM
DIRECTOR-GENERAL OF PUBLIC SERVICE
Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia
Public Service Department, Malaysia
Aras 13, Blok C1, Kompleks C
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62510 W.P. PUTRAJAYA
MALAYSIA

Tel: 603-80008000
Faks (Fax): 603-88892187
Laman Web (Web): www.jpa.gov.my

Ruj. Kami : JPA.BK(S)256/6/36 Jld. 11 (19)

Tarikh : 5 Mac 2021

Semua Ketua Setiausaha Kementerian
Semua Ketua Jabatan Persekutuan
Semua YB Setiausaha Kerajaan Negeri
Semua Ketua Pengurusan Pihak Berkuasa Tempatan

YBhg. Tan Sri/ Datuk Seri/ Dato' Seri/ Dato' Sri/ Datuk/ Dato'/ Tuan/ Puan,

PROGRAM IMUNISASI COVID-19 KEBANGSAAN


Saya dengan hormatnya merujuk kepada perkara tersebut di atas.

2. Adalah dimaklumkan Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan yang dilaksanakan oleh kerajaan bertujuan untuk memastikan antara 70% hingga 80% rakyat menerima vaksin menjelang Februari 2022 dan sekaligus membentuk imuniti kelompok bagi mengekang penularan COVID-19. Bagi menjayakan tujuan ini, urusan pendaftaran bagi menyertai Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan telah dimulakan sejak 24 Februari 2021.

3. YBhg. Tan Sri Ketua Setiausaha Negara pada 25 Februari 2021 telah menyarankan semua pegawai Perkhidmatan Awam untuk segera mendaftar bagi menyertai Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan.

4. Sehubungan itu, dimohon pihak YBhg. Tan Sri/ Datuk Seri/ Dato' Seri/ Dato' Sri/ Datuk/ Dato'/ Tuan/ Puan untuk segera menggalakkan semua pegawai di bawah seliaan, untuk mendaftar melalui mana-mana saluran pendaftaran yang disediakan.

Peneraju Pembaharuan, Penggerak Perubahan
Leading Reform, Driving Change



PENGIKTIRAFAN MS ISO 9001 : 2015
NO. SIJIL : QMS 01894

Sama-samalah kita berusaha untuk menghentikan penularan COVID-19 di negara kita.


Sekian, terima kasih.

“PENERAJU PEMBAHARUAN, PENGGERAK PERUBAHAN”

“PRIHATIN RAKYAT: DARURAT MEMERANGI COVID-19”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,



(TAN SRI MOHD KHAIRUL ADIB BIN ABD RAHMAN)